



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN
TINGKAT 10, WISMA PERSEKUTUAN
JALAN DATO' ABDUL KADIR, 70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7686800
Fax : 06-7619027
Web : <http://portalpp.anm.gov.my/nsembilan>

Ruj. Kami : ANM.NS.600/2/6/6 Jld.8 (46)
Tarikh : 3 April 2026

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PENGESAHAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET BUKAN KEWANGAN SUKUAN
PERTAMA (1) BAGI TAHUN KEWANGAN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2022 berkaitan Tatacara Perakaunan Aset Bukan Kewangan Kerajaan [JANM.BKP.600-14/1/11 JLD.4(4)] adalah berkaitan.

2. Berdasarkan ketetapan SPANM Bilangan 3 Tahun 2022, penyelenggaraan Laporan Perakaunan Aset Bukan Kewangan hendaklah disediakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ), JANM Negeri/Cawangan dan Bahagian Akaun (BA) Kementerian.

3. Mohon kerjasama daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/ Datin/Dr./Tuan/Puan untuk memastikan Laporan Baki Aset (LBA) disemak dengan terperinci dan verifikasi keberadaan fizikal aset dilaksanakan dengan tepat beserta dokumen pembuktian pemilikan aset yang lengkap. Semua tindakan pelarasan dan pembetulan yang dikenalpasti pada verifikasi sukuan empat tahun 2025 hendaklah diselesaikan segera dan tidak berulang pada verifikasi sukuan berikutnya. Laporan yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Sembilan mengikut tarikh serahan yang ditetapkan seperti di Lampiran A.

4. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,

Rosnani

(ROSNANI BINTI MOHAMAD@AHMAD C.A. (M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan

Lampiran A

JADUAL PENYERAHAN LAPORAN PERBEZAAN BAKI ASET
SUKUAN PERTAMA (1) TAHUN 2026

BIL	TINDAKAN PTJ	LAMPIRAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN	TARIKH SERAHAN
1.	Jana Laporan Baki Aset (LBA) mulai 07 April 2026 hingga 10 April 2026 dan menyediakan Pengesahan Baki Aset Bukan Kewangan seperti pada 31 Mac 2026.	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Lampiran B3-A-A1 ➤ Lampiran B3-A-A2 (i) ➤ Lampiran B3-A-A2 (ii) ➤ Lampiran B3-B-A1 ➤ Lampiran B3-B-A2 (i) ➤ Lampiran B3-B-A2(ii) ➤ Lampiran B3-C-A1 	Laporan secara <i>softcopy</i> (<i>Excell</i> dan <i>PDF</i>) di hantar ke Unit Pengurusan Aset JANM Negeri Sembilan melalui emel ke teamupans@gmail.com selewat-lewatnya 24 April 2026 (Jumaat) jam 5.00 petang.